

SOALAN LAZIM OLEH PENGAMAL PT&K BERKAITAN WABAK COVID-19
SEMASA SIARAN FB LIVE BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL &
KOMPLEMENTARI PADA 25 MAC 2020

A. Perkhidmatan PT&K semasa Perintah Kawalan Pergerakan

1. Adakah pusat rawatan PT&K dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan?

Perkhidmatan PT&K adalah termasuk di bawah perkhidmatan kesihatan yang merupakan *essential services*. Maka, premis PT&K adalah dibenarkan untuk beroperasi sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini. Keputusan untuk meneruskan atau menangguhkan perkhidmatan di premis PT&K adalah tertakluk kepada pengurusan premis masing-masing dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti yang disarankan oleh KKM. Namun begitu, sekiranya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengarahkan premis untuk ditutup, maka pengamal perlu mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tersebut.

Definisi perkhidmatan PT&K termasuk perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, Homeopati, Kiropraktik, Osteopati, dan amalan pengubatan Islam sepertimana yang dinyatakan dalam Perintah Perubatan Tradisional dan Komplementari (Bidang Amalan Diiktiraf) 2017.

2. Bolehkah pengamal menjalankan perkhidmatan di rumah seperti contoh terapi bekam, urutan atau penjagaan ibu selepas bersalin?

Pengamal PT&K yang menjalankan perkhidmatan di rumah atau pergi ke rumah pelanggan, anda tidak digalakkan untuk memberi rawatan sekiranya tiada kecemasan/keperluan mendesak. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan, anda dinasihati untuk duduk di rumah dan tidak ke mana-mana bagi mengekang penularan wabak. Jika terpaksa, pastikan memakai topeng muka dan sarung tangan atau membasuh tangan dengan sabun sebelum dan selepas menyentuh pesakit. Pastikan ruang menjalankan rawatan sentiasa bersih serta mempunyai pengudaraan yang baik dan dinyahkuman (disinfektan).

B. Peranan PT&K dalam rawatan COVID-19

3. Bagaimana untuk kategorikan pesakit yang berisiko tinggi jika pesakit mendakwa bahawa tiada sejarah perjalanan ke negara berisiko tinggi dan tiada kontak dengan pesakit yang disahkan COVID-19?

Selain sejarah perjalanan ke luar negara dan kontak rapat kepada kes positif, individu yang terletak di bawah *home surveillance* atau mereka yang pernah menghadiri acara yang dikaitkan dengan penularan COVID-19 serta kontak rapat mereka juga dikategorikan sebagai pesakit yang berisiko tinggi. (Sila rujuk jawapan No.6 untuk definasi *home surveillance*)

4. Apakah peranan/ tanggungjawab pengamal PT&K dalam membantu KKM menangani isu COVID-19/ mengenal pasti pesakit disyaki COVID-19?

Pengamal PT&K boleh membuat saringan awal dengan mengambil maklumat pesakit seperti berikut:

- i. Gejala- gejala COVID-19 seperti demam, batuk, selesema atau sesak nafas
- ii. Sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 hari
- iii. Mengenalpasti sama ada pesakit mempunyai kontak rapat dengan kes yang disahkan COVID-19
- iv. Sejarah menyertai acara-acara yang dikaitkan dengan kes penularan COVID-19
- v. Mengenalpasti sama ada pesakit diletakkan di bawah *home surveillance*? Sila rujuk No.6 untuk maklumat lanjut tentang *home surveillance*.

Jika pesakit memenuhi salah satu kriteria di atas atau berisiko tinggi (walaupun tidak bergejala), pengamal perlu menanggungkan rawatan dan menasihati pesakit untuk mendapat rawatan di fasiliti kesihatan KKM. Pengamal juga boleh membantu menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan untuk membuat rujukan kes.

5. Adakah ubat-ubatan daripada bidang PT&K contohnya terapi herba/ homeopati boleh digunakan dalam rawatan COVID-19?

COVID-19 merupakan penyakit yang baru ditemui dan setakat ini, tiada vaksin atau rawatan yang spesifik untuk merawat penyakit ini. Di Malaysia, rawatan COVID-19 adalah berdasarkan *symptomatic treatment* (merawat simptom). Pesakit-pesakit akan ditempatkan di hospital dan dipantau dengan teliti oleh petugas-petugas kesihatan.

Setakat ini, rawatan PT&K tidak digunakan dalam rawatan COVID-19. Pihak KKM mementingkan amalan berasaskan pembuktian saintifik dalam merawat sebarang jenis penyakit bagi memastikan rawatan yang diberikan adalah selamat dan berkesan.

6. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pesakit sedang menjalani *home surveillance* dan ingin bertemu dengan Pengamal PT&K?

Selepas pesakit menjalani ujian saringan COVID-19, mereka akan diberi arahan menjalankan *home surveillance* selama 14 hari daripada hari terdedah kepada virus berdasarkan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian. Ini adalah termaktub di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Ini bagi memastikan pesakit melepasi tempoh inkubasi jangkitan tersebut.

Dalam tempoh tersebut, pengamal PT&K berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan sekiranya memberikan rawatan kepada pesakit. Justeru, pengamal boleh memohon pesakit menunjukkan bukti tarikh pesakit tamat *home surveillance* sebelum memberikan rawatan PT&K. Sekiranya pesakit telah tamat tempoh 14 hari *home surveillance*, tidak mempunyai simptom dan disahkan tiada jangkitan COVID-19, pengamal boleh melakukan rawatan seperti biasa.

C. Keadaan pesakit selepas discaj

7. Selepas pesakit yang disahkan COVID-19 sembuh dan dibenarkan discaj daripada hospital, adakah virus tersebut masih wujud meskipun pesakit mempunyai antibodi terhadap virus?

Pesakit boleh discaj ke rumah apabila telah sembuh DAN sampel yang diambil untuk pengesanan COVID-19 sebanyak 2 kali berturut-turut dalam jarak masa 24 jam menunjukkan keputusan negatif.

Selain itu, sampel serologi juga akan diambil untuk menentukan sama ada badan pesakit telah menghasilkan antibodi yang spesifik terhadap COVID-19. Pesakit perlu menjalani kuarantin di rumah untuk tempoh 14 hari lagi selepas discaj dari hospital.

8. Sekiranya pesakit COVID-19 telah disahkan sembuh dan keluar daripada hospital, bolehkah pesakit mendapat jangkitan kedua?

Apabila seseorang yang sembuh terdedah kepada virus ini, badan akan menghasilkan antibodi yang spesifik untuk melawan jangkitan virus. Justeru, kebarangkalian untuk mendapat jangkitan kedua virus ini adalah kecil namun bergantung kepada tahap

antibodi masing-masing. Elakkan menghadiri atau melawati ke tempat-tempat yang berisiko atau acara-acara keramaian bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19.

D. Topeng muka/ PPE (*personal protective equipment*)

- 9. Adakah *3M single cartridge respirator safety face mask with 33115k-55 filter* masih selamat untuk digunakan berulang kali jika dibersihkan (*sanitized*) selepas penggunaan?**

Alat perlindungan peribadi seperti *single cartridge respirator* perlu dilakukan disinfeksi dgn baik sebelum digunakan semula. Manakala untuk topeng muka N95 atau *3 ply face mask* perlu dibuang selepas digunakan.

- 10. Memandangkan topeng muka sangat terhad di pasaran, apakah saranan KKM kepada Pengamal PT&K yang bertemu dengan pesakit?**

Sekiranya tiada kecemasan atau keperluan mendesak, pengamal disarankan untuk tidak bertemu orang luar bagi mengurangkan penularan wabak. Sekiranya terpaksa, pengamal perlu memilih pelanggan yang tidak berisiko dan bebas daripada gejala. Pengamal perlu memakai topeng muka (sekiranya ada) dan mengamalkan kebersihan diri dengan membasuh tangan dengan sempurna sebelum dan selepas menyentuh pesakit dan elakkan daripada menyentuh kawasan mata, hidung dan mulut.

E. Penjagaan kebersihan premis

- 11. Perlukah pengamal menghadkan bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan PT&K di premis pada satu masa?**

Pengamal disaran untuk menghadkan bilangan pesakit yang datang ke premis dan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter dengan pesakit lain bergantung kepada ruang dan kapasiti premis. Selain itu, pengamal disarankan berjumpa pesakit secara temujanji sahaja.

- 12. Adakah pengamal PT&K perlu membersihkan (*sanitised*) premis selepas waktu operasi setiap hari? Apakah langkah pembersihan premis disyorkan?**

Pengamal perlu menjalankan disinfeksi pada setiap hari terutamanya pada permukaan yang kerap disentuh (contoh seperti meja, kerusi, kaunter, cermin kaunter, pemegang pintu/tombol dan lain-lain). Kaedah disinfektan boleh dilakukan dengan mencampurkan cecair peluntur dan air dengan nisbah 1:10 dan dilap di permukaan-permukaan tersebut.